

REVOLUSI DAN RAKYAT:
KESAN SOSIOEKONOMI DI JAWA TENGAH
1947-1949

oleh

NAZARUDIN BIN ZAINUN

Tesis yang diserahkan untuk memenuhi
keperluan bagi Ijazah Sarjana Sastera

Februari 1998

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, puji syukur kepada Allah SWT., kerana dengan rahmatNya dapat penulis merampungkan penulisan tesis ini. Sungguh satu masa yang panjang, namun atas limpahan kurniaNya segala halangan dan kepayahan selama masa tersebut dapat dilampaui.

Kesempatan pertama, penulis persembahkan rasa hormat dan terima kasih kepada Prof. Madya Dr. M. Radin Fernando selaku penyelia utama dan Prof. Madya Dr. Ariffin Omar selaku penyelia bersama yang telah menyediakan waktu hingga menjernihkan pandangan, menunjuk arah dan mendorong semangat penulis untuk menyelesaikan tesis ini. Kepada mereka atas masa-masa yang telah diluangkan penulis ucapkan terima kasih yang tidak terhingga.

Hanya ucapan terima kasih yang dapat penulis aturkan kepada semua pensyarah bahagian sejarah Universiti Sains Malaysia, terutama pengerusi Bahagian Sejarah, Prof. Madya Dr. Tan Liok Ee, Prof. Madya Dr. Abu Talib, Prof. Madya Dr. Badriah, Prof. Madya Abdul Rahman, Puan Mahani dan lain-lain, yang sering memberi nasihat dan semangat dalam kesempatan berbincang-bincang.

Dengan segala ketulusan penulis persembahkan pula rasa kasih dan terima kasih yang tidak terhingga kepada Ayahanda Zainun, Bonda Che Wan Wahidah, Abang Long dan Yang serta keluarga, adik-adik, dan adik-adik ipar serta anak-anak saudara, atas segala doa kasih sayang dan perhatian serta kesabaran yang dilimpahkan terhadap penulis. Begitu juga dengan ibu mertua, abang-abang dan kakak-kakak ipar ku.

Khusus buat arwah adinda Bakirudin, tiada kata yang dapat kanda ukirkan buatmu, hanya doa tulus yang dapat dipersembahkan sebagai tanda kasih dan terima kasih atas segala pengorbanan selama hayatmu untuk penulis. Semoga arwah mu dirahmati Allah dan ditempatkan di dalam golongan orang-orang yang beriman.

Kepada isteriku tercinta, Puan Soijah, tiada kata yang layak ku persembahkan buat mu atas segala pengorbanan, pengertian dan kasih sayang yang sentiasa memahami, menasihati dan menyayangi penulis, terima kasih atas segalanya.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada Institut Pengajian Siswazah, Universiti Sains Malaysia yang kakitangannya sentiasa baik dan

memberikan bantuan kewangan di bawah skim Siswazah Pembantu dan Fellowship selama penulis di universiti ini.

Seterusnya terima kasih kepada Perpustakaan Fakulti Sastera Universiti Indonesia, Jakarta, Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Jakarta, Perpustakaan Museum Waspada Purba Wisesa, Jakarta, Dinas Dokumentasi Museum ABRI Satria Mandala, Jakarta, Arsip Nasional Republik Indonesia, Jakarta (ANRIJ), Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LIPI), Lembaga Demografi Fakulti Ekonomi Universiti Indonesia, Jakarta, Biro Pusat Statistik, Jakarta, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya. Teristimewa juga penulis persembahkan terima kasih ini kepada Prof. R.Z. Leirissa, dari Jurusan Sejarah, Universiti Indonesia, para pensyarah jurusan sejarah Universiti Indonesia, khususnya Bapak Kasijanto yang banyak memberikan pandangan, nasihat dan kritikan yang sangat berguna buat penulis. Buat sahabat yang banyak membantu di Jakarta Drs. Anto Dwiastoro Slamet, dan Drs. Nefo Budi Handoko, dan lain-lain, terima kasih daun keladi penulis ucapkan. Begitu juga dengan kawan-kawan seperjuangan, Jamal Rizal, Hoe, Yeoh, Sarji, Nasir, Akbal, Samsul, Mior, Zain, Liza, Puteri dan lain-lain. Segala senda dan canda kalian tetap ku simpan.

Kepada mereka yang pernah diwawancarai, Leftenan Jenderal TNI (B) Sutopo Yuwono, Kolonel TNI (B) A.E. Kawilarang, Major TNI (B) Nislam Darmo Sumarto, Major TNI (B) Slamet, Major TNI (B) A.M. Atmosugondo, Leftenan Dua TNI (B) Hardowidjono, Bapak Abdullah, Ibu Isnaidah, Bapak M. Tolhah, Bapak Nur Effendy, Bapak Romelan Bapak M. Mustakim dan Bapak Soemandar, hanya rasa hormat dan terima kasih sahaja yang dapat penulis sampaikan. Semoga perjuangan kalian dirahmati Tuhan.

Akhir kata, penulis menyedari bahawa tesis ini masih jauh dari sempurna. Kepada semua penulis ucapkan terima kasih. Semua pihak, melainkan saya tidaklah dipertanggungjawabkan jika terdapat sebarang kekurangan dan kelemahan dalam penulisan ini. Adapun motivasi penulis, semata-mata didedikasikan untuk lebih memperkayakan khazanah kepustakaan sejarah yang bermakna dan berarti bagi peminat sejarah dan masyarakat sejarawan khususnya serta masyarakat umum amnya. Ingatlah sejarah itu selalu bermuka dua, kedua-duanya melihat serentak, satu hikayat lama dan satu lagi meneropong masa depan.

Nazarudin Bin Zainun
Universiti Sains Malaysia
Februari 1998

DAFTAR ISI

	halaman
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR ISI	v
SENARAI JADUAL	vi
SENARAI GRAF	x
SENARAI CARTA	x
SENARAI PETA	x
DAFTAR SINGKATAN	xi
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
PENGENALAN	1
Kajian lalu	2
Permasalahan	8
Fokus dan organisasi bab	14
Sumber-sumber	16
Catatan mengenai bahasa dan ejaan	17
BAB I	
Keadaan sosioekonomi dan politik di Jawa Tengah, 1930-1945	19
Keadaan Politik	36
Zaman pendudukan Jepun (1942-1945)	43

BAB II	Dari proklamasi hingga selepas Aksi Tentera Belanda I	70
	Keadaan umum	76
	Konflik dan perdamaian	83
	Disposisi TNI	97
	Kegiatan tentera	106
	Penyakit perang dan rakyat	113
BAB III	Ekonomi dan rakyat semasa zaman revolusi	137
	Sekatan Ekonomi	138
	Perbekalan tentera dan umum	150
	Keadaan wang dan inflasi	206
BAB IV	Revolusi dan rakyat: kesan ekonomi	213
	Kesan sekatan ekonomi	214
	Korban ekonomi revolusi	222
	Pasaran, peredaran wang dan inflasi	250
BAB V	Revolusi dan rakyat: kesan sosial	267
	Pelarian	269
	Orang Cina	283
	Indikator kehidupan	295
	Politik petunjuk ekonomi	336
	Politik, petani dan perjuangan revolusi	345
KESIMPULAN		351
BIBLIOGRAFI		358

SENARAI JADUAL

Bil. jadual	tajuk jadual	halaman
Jadual 1.1	Jumlah kawasan suai tani, sawah dan hasil padi di Jawa Tengah antara tahun 1905 hingga 1940 (dalam '000 hektar)	25
Jadual 1.2	Jumlah perbelanjaan dari pendapatan petani dalam sehari dan setahun pada tahun 1933	30
Jadual 1.3	Industri di Jawa dan tingkat upah (dalam gulden) pada tahun 1933	31
Jadual 1.4	Pengeluaran padi di Jawa antara 1941-1945 (dalam tan)	46
Jadual 1.5	Jumlah anggota organisasi semi-tentera dan tentera di Jawa zaman pendudukan Jepun 1942-1945	68
Jadual 2.1	Satuan, tempat dan pemimpin di dalam Divisyen III/Diponegoro di bawah pimpinan Panglima, Kolonel Bambang Sugeng di Jawa Tengah bahagian Barat	107
Jadual 2.2	Daftar harga barang-barang, 1946 yang dikeluarkan oleh Menteri Kemakmuran Republik Indonesia	123
Jadual 2.3	I Harga beras di kota-kota besar di Jawa 1945-1946 (per kuintal = 100 kilogram).	124
	II Kenaikan harga beras di Yogyakarta tahun 1945-1946 (per kuintal = 100 kilogram)	124

Jadual 2.4	Harga dan jenis-jenis pakaian/kain dari India	128
Jadual 3.1	Keluasan kawasan padi sawah yang dituai di Jawa Tengah (dalam ribuan hektar) 1941-1946 dan 1950	168
Jadual 3.2	Harga beras di pasar per liter (800 gram) pada bulan September dan Oktober 1949 (dalam gulden)	175
Jadual 3.3	Harga hitung panjang dalam rupiah satu kilogram di pasar-pasar besar Jawa yang dikuasai oleh republik	177
Jadual 3.4	Daftar harga maksimum bagi barang-barang penting dari November 1948 mengikut daerah di Jawa Tengah (dalam rupiah)	181
Jadual 3.5	Luas kawasan enam tanaman makanan utama di Pulau Jawa (dalam ribuan hektar) 1940-1946 dan 1950	182
Jadual 3.6	Eksport beberapa pengeluaran penting dari Indonesia dalam peratus 1936-1950 (1936 = 100)	186
Jadual 3.7	Luas kawasan dan jumlah pengeluaran getah berdasarkan daerah di Jawa Tengah tahun 1948 dan 1950	189
Jadual 3.8	Luas kawasan dan jumlah pengeluaran kopi dan teh berdasarkan daerah di Jawa Tengah tahun 1948 dan 1950	191
Jadual 4.1	I Penduduk menurut umur dan jantina di Jawa Tengah berdasarkan bancian tahun 1961	226
	II Penduduk menurut umur dan jantina di Yogyakarta berdasarkan bancian tahun 1961	226
Jadual 4.2	Anggaran jumlah purata perbelanjaan pendapatan dalam sehari bagi pekerja kilang guni, batik, rokok dan menjahit baju di Jawa Tengah antara 1947-1949 (dalam rupiah)	241

Jadual 4.3	Anggaran jumlah purata perbelanjaan pendapatan dalam sehari bagi kakitangan awam di Jawa Tengah antara 1947-1949 (dalam rupiah)	245
Jadual 5.1	Jumlah pelarian di karesidenan Kedu sehingga 31 Disember 1947	278
Jadual 5.2	Jumlah kalori yang diperlukan oleh manusia dalam sehari untuk beraktiviti mengikut jenis kerja	297
Jadual 5.3	Jumlah import kain, pakaian dan benang ke Indonesia (dalam tan) 1948-1950	304
Jadual 5.4	Daftar harga maksimum bagi kain dari dalam dan luar negeri mengikut daerah di Jawa Tengah dari November 1948 (dalam rupiah)	308
Jadual 5.5	Jumlah import dan eksport barang-barang bagi Indonesia antara tahun 1948 hingga 1950	312
Jadual 5.6	Jumlah kerugian yang ditanggung oleh rakyat di D.I. Yogyakarta berdasarkan kabupaten semasa Aksi Tentera Belanda II (19 Dis. 1948 - 30 Jun 1949)	323
Jadual 5.7	Pengolongan jumlah bayaran wang sekolah rendah mengikut pendapatan bersih setahun di Jawa 1947-1949	325
Jadual 5.8	Pengolongan jumlah pembayaran wang Sekolah Lanjutan dan <i>Vak</i> mengikut pendapatan bersih setahun di Jawa 1947-1949	326
Jadual 5.9	I Peratusan dari penduduk yang boleh membaca dan menulis huruf latin di Jawa Tengah menurut umur dan jantina berdasarkan bancian tahun 1961	330
	II Peratusan dari penduduk yang boleh membaca dan menulis huruf latin di Yogyakarta menurut umur dan jantina berdasarkan bancian tahun 1961	330

SENARAI GRAF

Bil. Graf	tajuk graf	halaman
Graf 4.1	Graf indeks harga jualan bagi 19 bahan makanan utama dalam pasaran bebas di empat kota besar di Pulau Jawa antara 1948 hingga 1949 (1938 = 100)	253

SENARAI CARTA

Bil. Carta	tajuk carta	halaman
Carta 3.1	Menunjukkan rajah cara pengumpulan dan pendistribusian beras di Pulau Jawa antara 1947-1949	174

SENARAI PETA

Bil. Peta	tajuk peta	halaman
Peta I	Menunjukkan daerah Jawa Tengah bahagian Barat	xiv


DAFTAR SINGKATAN

ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ANRIJ	Arsip Nasional Republik Indonesia, Jakarta
AP	Angkatan Perang
API	Angkatan Pemuda Indonesia
APRI	Angkatan Perang Republik Indonesia
BARA	Barisan Buruh Indonesia
BB	Bewakings Bataljon (Barisan Pengawal atau Penjaga Kebun)
BKR	Badan Keamanan Rakyat
BM	Basaal Metabolisme
BOR	Badan Oesaha Rakyat
BP	Badan Pekerja
BPPGN	Badan Pusat Perusahaan Gula Negara
BPRI	Barisan Pemberontak Republik Indonesia
BTI	Barisan Tani Indonesia
D.I.Y	Daerah Istimewa Yogyakarta
EYD	Ejaan Yang Disempurnakan
f	Gulden (Mata Wang Belanda)
GAPI	Gabungan Politik Indonesia
GERDAK	Gerakan Rakyat Daerah Pendudukan

GM	Gabenur Militer
HAMOT	Haare Majesteit Ongeregelde Troepen (Pasukan Kerajaan Tidak Tetap)
IB	Indonesia Berparlimen
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
KDM	Komando Distrik Militer
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KMB	Konferensi Meja Bundar
KNID	Komisi Nasional Indonesia Daerah
KNIL	Koninklijk Nederlands Indisch Leger
KNIP	Komisi Nasional Indonesia Pusat
KODM	Komando Onder Distrik Militer
LIPI	Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia
LJC	Local Joint Committee
Masjumi	Madjlis Sjuro Muslimin Indonesia
MBKD	Markas Besar Komando Djawa
MBKS	Markas Besar Komando Sumatra
MIAI	Madjelis Islam A'la Indonesia
NICA	Netherlands Indies Civil Administration
ODM	Onder Distrik Militer
ORI	Oeang Repoeblik Indonesia
Pager Desa	Pasukan Gerila Desa

PETA	Pembela Tanah Air
PID	Politieke Inlichtingen Dienst
PISO	Pasukan Istimewa Sosial
PKI	Parti Komunis Indonesia
PMI	Palang Merah Indonesia
PMO	Pengusaha Makanan Oemum
PNI	Parti Nasional Indonesia
PNI-Baru	Pendidikan Nasional Indonesia
PPBM	Persediaan dan Pembahagian Bahan Makanan
PPKI	Panitia Persiapan Kemerdekaan Indonesia
PPN	Perusahaan Perkebunan Nasional
PPUBW	Panitia Pertimbangan Urusan Buruh Wanita
PUPERTI	Pusat Perusahaan Tembakau Indonesia
PUTERA	Poeset Tenaga Rakyat
Rp	Rupiah (Mata Wang Indonesia)
SKZ	Shokuryo Kanri Zimusyo (Pejabat Pengelola Pangan)
TKR	Tentera Keamanan Rakyat
TLRI	Tentera Laut Republik Indonesia
TNI	Tentera Nasional Indonesia
TNIAL	Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Laut
TNIAU	Tentera Nasional Indonesia-Angkatan Udara
TRI	Tentera Republik Indonesia
UUD'45	Undang-Undang Dasar 1945
VB	Veiligeidsbataljon (Batalion Keamanan)


Peta I
Menunjukkan daerah Jawa Tengah bagian Barat



Petunjuk :-




Peta seluruh Pulau Jawa



Sempadan Propinsi



Sempadan sebelah Timur Jawa Tengah bagian Barat



Garis van Mook (Garis Demarkrasi)

Sumber: Berdasarkan wawancara dengan Major TNI (B) Slamet, bekas anggota Staf Teritorial KDM Banyumas, Brigade-8, Divisyen III TNI, Jawa Tengah bagian Barat.

ABSTRAK

Kajian tentang kesan sosioekonomi dari revolusi Indonesia ke atas rakyat ini, terhad di kawasan Jawa Tengah bahagian Barat, yang pada masa revolusi, terdiri dari residensi Pekalongan, Banyumas, Kedu dan Yogyakarta. Kawasan ini telah menyaksikan pertempuran yang hebat semasa perjuangan revolusi untuk kemerdekaan dan sebab itulah, kawasan ini sesuai untuk kajian kesan sosioekonomi ke atas rakyat bagi jangka masa pendek dan jangka masa panjang.

Kajian ini bermula dengan tinjauan ringkas ke atas tahun-tahun sebelum revolusi, kerana kemelesetan ekonomi dunia dan zaman pendudukan Jepun telah menyebabkan gangguan yang hebat dari segi politik, ekonomi dan sosial, serta mempunyai kesan meluas ke atas rakyat yang bangkit memimpin revolusi. Tujuan dari kajian ini ialah untuk memastikan setakat manakah kedua-dua kejadian tersebut, memburukkan lagi kesengsaraan ekonomi dan tergendalanya perkembangan sosial yang dialami oleh rakyat semasa tahun-tahun revolusi. Secara keseluruhan, semasa tahun-tahun revolusi, taraf hidup rakyat dari kumpulan yang berlainan seperti petani, buruh tani dan kilang, peniaga dan kakitangan kerajaan tidaklah lebih baik dari di bawah

pemerintahan kolonial Belanda dan tidaklah lebih buruk dari zaman pendudukan Jepun. Tidak diragukan lagi bahawa rakyat di kawasan ini sama seperti di mana-mana di Indonesia pada masa ini, telah membuat pengorbanan yang berat dengan kesengsaraan ekonomi dan tergendalanya perkembangan sosial yang mereka pertahankan semasa revolusi, yang telah membuka jalan kepada kemunculan sebuah negara bangsa baru.

REVOLUTION AND PEOPLE:
SOCIO-ECONOMIC IMPACT IN CENTRAL JAVA
1947-1949

ABSTRACT

This study of socio-economic impact of Indonesian revolution on people is confined to the western part of Central Java which, at the time of the revolution, consisted of the Residencies of Pekalongan, Banyumas, Kedu and Yogyakarta. This area witnessed a great deal of fighting during the revolutionary struggle for independence and hence is a suitable place to study its short-term and long-term socio-economic impact on people.

The study begins with a brief survey of the years preceding the revolution, because both the Great Depression and Japanese occupation caused severe political, economic and social disruption, which had far-reaching consequences for people leading up to the revolution. The aim of this study is to ascertain to what extent both those events exacerbated the economic hardship and social dislocation experienced by people during the years of revolution. On the whole, during the years of revolution, the living standard

of diverse groups of people such as peasants, agricultural and factory labourers, traders and public servants was no better than that under Dutch colonial rule and no worse than that during Japanese occupation. There is no doubt that people in this region, as well as elsewhere in present Indonesia, made a heavy sacrifice in terms of economic hardship and social dislocation they endured during the revolution, which paved the way to the emergence of a new independent nation state.

PENGENALAN

Revolusi ialah fenomena luar biasa yang tidak hanya segera mengakibatkan pergolakan yang hebat dalam kekuasaan politik dan usaha elit sosialnya, tetapi juga sangat mendalam dan tidak kurang juga sering mengakibatkan pergolakan dan perubahan sosial yang hebat. Sementara perubahan politik akibat dari revolusi nampak lebih mudah. Secara relatif, konsekuensi sosial lebih sukar untuk dibuat perbandingannya, kerana para pengamat sezaman mungkin melihat sesuatu fenomena sebagai umum yang sering terjadi di sesuatu tempat. Akibatnya perkara-perkara yang berlaku pada masa itu ada yang dianggap penting pada masa kini, tetapi pengamat sezaman mungkin tidak merekodkannya. Dalam jangka masa yang lama, adalah lebih sukar untuk menemukan bukti yang boleh dipercayai terhadap konsekuensi sosial dari revolusi dan hal inilah yang sering berlaku, kecuali apabila seseorang itu menemui tradisi dari sumber penulisan yang direkodkan atau percetakan yang kaya dan lengkap dengan sumber tertulisnya. Hal ini

seperti dalam kes revolusi Perancis yang telah dapat merangsang beberapa penyelidikan.¹

Peristiwa Perang Kemerdekaan Republik Indonesia dari 1945-1949, bukan merupakan warna baru dalam sketsa sejarah Indonesia dan bukan juga warna yang telah usang untuk diabadikan dalam koleksi sejarah Indonesia selanjutnya. Harus diakui bahawa buku-buku mengenai sejarah revolusi Indonesia telah banyak memenuhi perbendaharaan karya-karya sejarah revolusi Indonesia, baik yang dibahas dari sudut sosial, ekonomi, politik, mahu pun tentera.

Kajian lalu

Bagi sejarah sosial dari revolusi Indonesia pula, hanya menerima sedikit perhatian dari para periwayat awal seperti Kahin, dengan kemunculan pemimpin politik nasionalis yang memegang kendali penting dan mempesonakan, serta memahami pandangan yang mempunyai makna sangat besar terhadap kemerdekaan kepada berjuta-juta rakyatnya.² Karya beliau

¹ Sejarah sosial dari revolusi Perancis telah diteliti dengan mendalam. Contoh terbaik dan terbaru tentang sejarah revolusi Perancis seperti tulisan F.Furet, *Revolutionary France 1778-1880* (Oxford: Cambridge University Press, 1992) dan *Interpreting the French Revolution* (New York, London, Sydney: Cambridge University Press, 1981). Kita juga tidak boleh melupakan kerja-kerja klasik yang telah dihasilkan oleh beberapa penulis sebelumnya, seperti Georges Lefebvre, *The French Revolution from its Origins to 1793* (London and New York: Routledge and Kegan Paul, 1971), *The Coming of the French Revolution, 1789* (Princeton and New Jersey: Princeton University Press, 1969), J.M. Thompson, *Napoleon Bonaparte: His Rise and Fall* (Oxford: Basil Blackwell, 1969), Alfred Cobban, *The Debate on the French Revolution 1789-1800* (London: Adam and Charles Black, 1970).

² George McTurnan Kahin, *Nationalism and Revolution in Indonesia* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1970), hlm. 230-331.

telah diterbitkan segera selepas kemerdekaan. Beliau mengungkapkan bahawa golongan elit politik seperti Sukarno, Hatta dan Sjahrir-lah yang memainkan peranan penting dalam menjayakan revolusi Indonesia. Ia melihat berlakunya revolusi digerakkan dari atas ke bawah, yang didominasi oleh golongan elit politik dan sekali gus dipimpin oleh para pemimpin politik.

Revolusi sosial yang berlaku bangkit dari proklamasi kemerdekaan dan menggerakkan kehadiran revolusi politik yang telah pun dikaji oleh beberapa sejarawan dari generasi muda. Kajian ini melukiskan gambaran yang lebih kompleks dari pergolakan sosial yang berlaku di beberapa bahagian di Indonesia segera setelah proklamasi kemerdekaan diumumkan. Contohnya, B.R.O'G. Anderson telah mengubah perspektif lama terhadap zaman revolusi ini.³ Beliau menyatakan revolusi Indonesia digerakkan dari bawah ke atas yang didominasi oleh golongan pemuda. Ia melihat peranan unsur pemuda dalam menggerakkan revolusi Indonesia adalah sangat penting. Beliau memfokuskan pembahasannya tentang lingkup budaya Jawa, yang direfleksikan melalui peranan pesantren dalam masyarakat Jawa bagi membentuk peribadi pemuda.

Malahan, perspektif Anderson ini kemudiannya telah diperbaiki dan dihuraikan oleh W.H. Frederick dalam kajiannya, yang menekankan kepada peranan pemimpin tempatan dalam perjuangan revolusi Indonesia di

³ Benedict R.O'G. Anderson, *Java in a Time of Revolution: Occupation and Resistance, 1944-1946* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1972).

Surabaya, Jawa Timur.⁴ Beliau membahas zaman revolusi dari sudut pandang politik, seperti yang telah diperjelaskan oleh Harry Benda, bahawa kejadian yang paling penting selepas Perang Dunia II adalah kemunculan negara bangsa. Para pejuang yang berjuang untuk kemerdekaan telah mendominasi kepemimpinan selepas 1950. Mereka muncul sebagai pemimpin kebangsaan dan berkuasa bagi generasi tersebut. Walau bagaimanapun, para sejarawan ini kurang memberikan perhatian kepada para petani yang telah membantu perjuangan untuk membebaskan negara dan kesan sosioekonomi ke atas masyarakat.

Kepentingan konsekuensi sosioekonomi dari revolusi dan fakta sosioekonomi yang merupakan kesan dari revolusi, telah mula diperkatakan dalam kajian sejarah selepas penerbitan buku A.J.S. Reid yang dikenali sebagai peneroka dalam bidang ini.⁵ Reid berkecenderongan untuk mengambil jalan tengah dengan menyatakan, bahawa wujudnya pertentangan antara dua generasi yang masing-masing mewakili diplomasi - elit politik-golongan tua - dan perjuangan pemuda. Walau bagaimanapun, ia mengakui peranan kedua-dua unsur ini penting dalam menggerakkan revolusi, tetapi akhirnya Reid berkesimpulan bahawa peranan pemuda, terutama golongan kiri dan sosialis seperti Sjahrir dan Amir Sjahrifuddin, serta golongan bersenjata sangat dominan. Bahagian dari zaman revolusi ini telah pun diteliti dengan

⁴ William H. Frederick, *Visions and Heat: The Making of the Indonesian Revolution* (Athens: Ohio University Press, 1989).

⁵ Anthony Reid, *The Indonesian National Revolution 1945-1950* (Victoria: Longman, 1974).

mendalam dalam konteks tempatan oleh sejarawan, Anton E. Lucas dan Robert Cribb.⁶ Kedua-dua sejarawan ini menekankan kedudukan rakyat dalam revolusi dan lebih membincangkan tentang keadaan ekonomi dan sosial pada masa revolusi.

Dari tangan para penulis Indonesia sendiri juga telah banyak melahirkan karya sejarah dari zaman ini. Antara yang patut dikenang ialah karya A.H. Nasution.⁷ Beliau yang juga salah seorang pelaku penting sejarah dari zaman ini, telah memaparkan dalam karya-karyanya, tidak hanya dari sudut pandang tentera, tetapi juga diperkayakan dengan pembahasan dari aspek sosial, politik, ekonomi dan diplomasi. Melalui buku ini, beliau cuba menonjolkan peranan tentera dalam perjuangan mempertahankan kemerdekaan republik. Manakala peranan rakyat tidaklah dititikberatkan.

Nasution juga telah melahirkan buku tentang perang gerila yang ditulis berdasarkan pengalamannya dalam perang tersebut.⁸ Buku ini telah diterjemahkan ke dalam beberapa bahasa asing seperti Bahasa Inggeris, Rusia, Jerman dan lain-lain. Karya-karya beliau umumnya tidaklah membahas tentang aspek-aspek sosioekonomi rakyat secara khusus. Walaupun demikian, tanpa memperkecilkan sifat keilmiahan dan kebenarannya, buku beliau kebanyakannya bersifat arahan dari atas ke bawah terutamanya bagi tujuan

⁶ Anton E. Lucas, *One Soul One Struggle: Region and Revolution in Indonesia* (Sydney: Allen and Unwin, 1991); Robert Cribb, *Gangsters and Revolutionaries: The Jakarta People's Militia and the Indonesian Revolution 1945-1949* (Sydney: Allen and Unwin, 1991).

⁷ A.H. Nasution, *Sekitar Perang Kemerdekaan Indonesia*, jilid 1 hingga 11 (Bandung: Disjarah-AD dan Angkasa, 1979).

⁸ A.H. Nasution, *Pokok-Pokok Gerilya* (Jakarta: C.V., Pembimbing, 1954).

pendidikan tentera. Kecenderongan sifat arahan ini sebenarnya merupakan kecenderongan umum dalam penulisan sejarah ketenteraan.

Sementara tulisan Tashadi pula, membahas mengenai peranan masyarakat desa dalam perjuangan kemerdekaan di Daerah Istimewa Yogyakarta, khususnya di Kabupaten Sleman, Bantul dan Gunung Kidul.⁹ Melalui buku ini beliau sebenarnya memperkatakan tentang aspek politik ekonomi dari revolusi Indonesia di wilayah kajiannya. Antara peranan rakyat yang digambarkan adalah sebagai penyedia makanan, perlindungan dan membantu mempertahankan republik serta kesan politik ke atas rakyat. Walau bagaimanapun, kesan revolusi ke atas rakyat khususnya dari aspek sosioekonomi tidak pula diperkatakan dengan jelas.

Buku-buku lain kebanyakannya ditulis dari sudut pandang politik seperti oleh Ide Anak Agung Gde Agung, yang melihat revolusi dari kaca mata diplomasi dan pergulatan di atas meja perundingan yang langsung tidak menyentuh tentang kesan sosioekonomi ke atas rakyat.¹⁰ Karya yang paling banyak dilahirkan dari zaman ini yang ditulis oleh orang tempatan ialah dari kaca mata tentera seperti karya Nasution, Nugroho Notosusanto, Salam

⁹ Tashadi, et al., *Peranan Desa dalam Perjuangan Kemerdekaan: Studi Kasus Keterlibatan Beberapa Desa di Daerah Istimewa Yogyakarta Periode 1945-1949* (Jakarta: Departement Pendidikan dan Kebudayaan Direktorat Sejarah dan Nilai Tradisional, 1992).

¹⁰ Ide Anak Agung Gde Agung, *Renville* (Jakarta: Sinar Harapan, 1991).

Solichin, T.B. Simatupang, Tashadi dan lain-lain.¹¹ Mereka umumnya menonjolkan peranan tentera sebagai tunggak utama dalam revolusi dan sering kali mengenyampingkan peranan dan kesan sosioekonomi ke atas rakyat sebagai akibat dari revolusi.

Satu lagi buku yang membahas tentang masyarakat dan revolusi Indonesia ialah karya D.N.Aidit, seorang tokoh komunis di Indonesia.¹² Beliau lebih banyak menonjolkan kekuatan dan kebaikan sosialis-komunis daripada membahas kehidupan sosioekonomi rakyat yang sesungguhnya.

Secara umumnya, tulisan para sejarawan Indonesia untuk zaman ini menggunakan sumber-sumber kedua, seperti buku-buku dan artikel-artikel para penulis terdahulu dan penulis barat. Keadaan ini tidak mengalakkan kemunculan fakta baru, hanya penafsirannya sahaja yang berbeza. Selain itu sumber wawancara juga digunakan seperti dalam tulisan Tashadi. Beliau menggunakan teknik wawancara dalam tulisannya seperti yang dilakukan oleh Anton Lucas. Usahanya ini sangat baik dan patut diteruskan untuk menjamin lebih banyak kejadian sejarah yang tidak tertulis dikumpulkan.

¹¹ A.H. Nasution, *Menuju Tentara Rakjat* (Jakarta: Yayasan Minang, tanpa tahun); *Tentara Nasional Indonesia* (2 jilid) (Jakarta: Seruling Masa, 1970), *Tjataan-Tjataan Sekitar Politik Militer Indonesia* (Jakarta: Pembimbing C.V., 1955); Nugroho Notosusanto, *Pejuang dan Prajurit: Konsepsi dan Implementasi Dwifungsi ABRI* (Jakarta: Sinar Harapan, 1985); *Some Effects of the Guerilla on Armed Forces and Society in Indonesia* (Jakarta: Departement of Defence and Security Center for Armed Forces History, 1974); T.B. Simatupang, *Laporan dari Banaran* (Jakarta: Penerbit Sinar Harapan, 1980); *Pelopor dalam Perang Pelopor dalam Damai* (Jakarta: Sinar Harapan, 1981) dan Tashadi, et al., *Sedjarah Revolusi Kemerdekaan (1945-1949) di Daerah Istimewa Yogyakarta* (Yogyakarta: Depdikbud DIY., 1987).

¹² D.N. Aidit, *Masyarakat Indonesia dan Revolusi Indonesia (Soal2 Pokok Revolusi Indonesia)* (Jakarta: Jajasan Pembaharuan, 1960).

Sementara itu, penggunaan sumber-sumber arkib tempatan, banyak digunakan dan dirujuk oleh Nasution dalam tulisan-tulisan beliau. Khususnya arkib yang ada dalam simpanannya sendiri dan dari Arsip Nasional Republik Indonesia, Jakarta. Penggunaan sumber-sumber Belanda masih terhad terutamanya dari sudut sosioekonomi.

Fokus tulisan mereka pula adalah seperti aspek politik, diplomasi dan kajian ketenteraan seperti yang dihasilkan oleh Nasution, Ide Anak Agung Gde Agung, Nugroho Notokusanto dan lain-lain. Sedangkann fokus dari aspek sosioekonomi sangat kurang. Kalau adapun dari aspek politik-ekonomi, seperti tulisan Tashadi. Hal ini terjadi mungkin disebabkan oleh masalah sumber arkib yang banyak terdapat di negara Belanda daripada di Indonesia sendiri.

Jadi secara umumnya, kajian mereka memaparkan peristiwa-peristiwa dalam revolusi dari sudut pandang tempatan untuk tujuan pendidikan generasi berikutnya.

Permasalahan

Sejarah sosial dari revolusi, walau bagaimanapun, tidak dikaji khususnya dalam aspek kesan sosial kepada rakyat. Bagi kefahaman yang lebih baik tentang pengorbanan dan harga sosial dari revolusi, kita perlu membincangkan beberapa aspek penting dari kesan sosial kepada rakyat, seperti yang diperlihatkan dalam pecahan yang sering terpisah dan coretan yang bercanggah dari berbagai-bagai sumber dan informasi yang bertaburan.

Adalah lebih baik dan ideal untuk menyatukan bersama semua bukti dan memberikan cahaya manusia biasa dari pengalaman peribadi yang sezaman, tetapi sayangnya bukti-bukti yang diperlukan hampir-hampir tidak mungkin untuk menghadirkan masa lalu yang seutuhnya.

Walaupun telah banyak dibahas, namun masih banyak lagi aspek dari zaman revolusi ini yang masih belum diterokai dan dikaji. Hal ini sudah tentulah berkenaan dengan cara proklamasi kemerdekaan dan kemudiannya meletuslah revolusi sosial dan politik yang membawa kesan kepada rakyat di Indonesia. Kajian ini adalah usaha untuk meneroka dan memberikan perhatian kepada keadaan dan kesan sosioekonomi di Jawa Tengah bahagian Barat. Kawasan ini merupakan kawasan pertempuran dan perjuangan kemerdekaan yang hebat dan telah meninggalkan kesan jangka panjang ke atas masyarakat tempatan.

Daerah Jawa Tengah bahagian Barat dipilih kerana merupakan daerah perang gerila yang berfrekuensi tinggi ketika itu. Di kawasan inilah berkumpulnya sebahagian besar tentera dan para pelarian, sebagai akibat dari persetujuan *Renville* pada 17 Januari 1948, yang mendudukkan republik pada pihak yang dirugikan. Di kawasan Jawa Tengah berkuasa dua divisyen (divisi) Tentera Nasional Indonesia (TNI), iaitu Divisyen II di Jawa Tengah bahagian Utara dan Timur dan Divisyen III di Jawa Tengah Bahagian Barat yang meliputi pantai utara dan selatan Jawa Tengah.

Daerah-daerah tersebut adalah Karesidenan Banyumas, Kedu dan Pekalongan. Terlepas dari itu dalam kajian ini digunakan konsep

pembahagian wilayah berdasarkan topografi tentera yang dilatarbelakangi oleh *Surat Perintah No. 1/Stop/1948*, yang antara lain memaparkan disposisi-disposisi tentera menurut wilayah operasinya.¹³ Dalam kaitan ini, divisyen III/Diponegoro di bawah Gubenur Militer (GM) Bambang Sugeng, mendapat wewenang atas wilayah Jawa Tengah bahagian Barat yang dalam hal ini, termasuk Yogyakarta yang dipandang memiliki status khusus.¹⁴ Jelasnya garis-garis sempadan wilayah yang dimaksudkan ialah ditarik dari titik utara yakni Tanjung Losari hingga titik sebelah selatan, yakni muara Sungai Citanduy. Sedangkan sempadan sebelah timur hingga ke Yogyakarta (lihat peta I).

Wilayah ini setelah Aksi Tentera Belanda I, sebagai akibat langsung dari dikuatkuasakannya persetujuan *Renville* pada tahun 1948, telah mengalami pembahagian wilayah dengan wujudnya sempadan pemisah yang dikenali sebagai 'Garis van Mook'.¹⁵ Garis ini bagi TNI yang beroperasi di Jawa Tengah bahagian Barat dikenali sebagai Garis Demarkrasi.

¹³ Semasa berlakunya Aksi Tentera Belanda II, para pemimpin republik telah ditahan oleh Belanda, pada masa ini pemerintahan di Pualu Jawa dikendalikan oleh pihak tentera. Hal ini berjalan sampai dibebaskannya para pemimpin politik oleh Belanda pada tahun 1949.

¹⁴ Dinas Sejarah Militer Kodam VII/Diponegoro, *Sejarah Rumpun Diponegoro dan Pengabdiannya* (Semarang: C.V. Borobudur Megah, 1977), hlm. 189.

¹⁵ Garis ini bagi TNI yang beroperasi di Jawa Tengah bahagian Barat dikenali sebagai garis demarkrasi. Antara garis demarkrasi yang berada di wilayah republik dan pendudukan Belanda terentang ruang selebar kira-kira satu kilometer, yang dipandang sebagai 'no man's land' atau daerah tidak bertuan. Daerah ini secara juridis (menurut undang-undang) dipandang sebagai zon dimiliterisasi; Ide Anak Agung Gde Agung, *Renville* (Jakarta: Sinar Harapan, 1991), hlm. 57., dan Kahin, *Nationalism and Revolution*, hlm. 213-229.

Garis sempadan atau demarkrasi antara wilayah yang dikuasai Belanda dan republik terletak di garis lurus dari utara ke selatan. Mulai dari titik yang terletak di sebelah timur Gunung Slamet, hingga ke selatan sampai ke pantai laut selatan, dengan melalui garis sempadan kabupaten Purbalingga-Banjarnegara yang terletak antara kecamatan Purwonegoro dan kecamatan Gumiwang serta kabupaten Kabumen di sebelah barat Gombong - kabupaten Cilacap. Jadi, dengan demikian, mulai sempadan kabupaten Banjarnegara dan Kabumen masuk dalam wilayah republik. Sempadan utaranya dari titik pertemuan sempadan Banjarnegara-Purbalingga-Pemalang hingga ke timur sepanjang pergunungan Dieng yang terletak di sebelah utara Wonosobo dan Temanggung. Jadi, dalam kajian ini menumpukan ke atas empat karesidenan yang termasuk dalam wilayah Jawa Tengah bahagian Barat pada masa itu, iaitu karesidenan Pekalongan, Banyumas, Kedu dan Yogyakarta.

Proklamasi kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945, telah diproklamsikan oleh Sukarno dan Hatta yang mewakili Indonesia. Ketika itu Jepun telah menyerah secara tiba-tiba setelah Nagasaki dan Hiroshima dibom oleh tentera Berikat. Kalahnya Jepun menimbulkan suatu keadaan kekosongan yang tidak dapat segera diisi baik oleh Berikat, Belanda atau pun Indonesia sendiri. Dari sini muncullah suatu kekuatan tunggal gerakan massa pemuda, yang merupakan ciri khas revolusi Indonesia. Revolusi yang banyak memakan korban baik tentera mahu pun orang awam ini, bermula dari proklamasi kemerdekaan, sampai adanya gencatan senjata pada 3 Ogos 1949, yang menandakan berakhirnya Aksi Tentera Belanda II. Kemudian ditubuhkan

Local Joint Committee (LJC) yang akhirnya membawa kepada pengakuan kedaulatan Indonesia oleh Belanda, setelah diadakan Konferensi Meja Bundar (KMB). Tahun-tahun yang tidak menentu bagi republik yang muda ini, telah memberikan akibat yang serius kepada rakyat di Pulau Jawa, terutama dari segi sosioekonomi. Fokus ke atas Jawa Tengah bahagian Barat ini bermaksud untuk meneliti kesan dari revolusi ke atas rakyat dari aspek sosioekonomi dan politik dari sejarah Indonesia zaman revolusi.

Walaupun proklamasi kemerdekaan Republik Indonesia yang baru diumumkan menunjukkan republik telah bersedia melancarkan perjuangan bersenjata, tetapi pihak republik tidak mempunyai organisasi tentera yang baik dan sumber ekonomi yang cukup untuk menyokongnya semasa pertempuran. TNI juga tidak mempunyai masa yang cukup untuk membuat rancangan tindakan perlawanan terhadap Belanda. Keadaan ini ditambah lagi dengan reorganisasi dari administrasi Belanda yang terjadi dengan cepat selepas penyerahan Jepun dan pendaratan Berikat di Pulau Jawa. Dalam usahanya merebut kembali bekas tanah jajahannya, Belanda mula mengadakan siri serangan ke atas TNI. Dua serangan terbesar adalah Aksi Tentera Belanda I, dilancarkan pada 21 Julai 1947 hingga 4 Ogos 1947. Manakala Aksi Tentera

Belanda II, pada 19 Disember 1948 hingga 3 Ogos 1949.¹⁶

Bersamaan dengan aksi-aksi ini, Belanda terus menjalankan sekatan ekonomi terhadap republik terutamanya di laut yang bermula dari November 1945 sampai Ogos 1949.¹⁷ Sekatan ini melumpuhkan ekonomi republik yang tentunya akan mempengaruhi secara langsung, baik fisik mahu pun psikologis rakyat dan TNI. Ini kerana, kegiatan import dan eksport terutamanya hasil dari perkebunan tidak dapat dijual. Ketika itu juga wang tabungan negara republik didapati kosong sama sekali. Kesan psikologi dari segi sosial dan ekonomi akibat pendudukan Jepun juga masih menghantui rakyat. Ketika keadaan ekonomi republik lumpuh dan tokoh politik tidak dapat berbuat apa-apa untuk memulihkannya dalam masa yang singkat, ketika itu jugalah TNI harus menghadapi serangan-serangan Belanda. Keadaan ini sudah pasti menambahkan lagi beban rakyat terutama mereka yang berada di Jawa Tengah. Ini kerana hujung Jawa Barat dan Jawa Timur telah dikuasai oleh Belanda. Akibatnya ramai yang pindah atau menjadi pelarian ke Jawa

¹⁶ Bagi pasukan Belanda mereka menyatakan sebagai Aksi Polisionel sebab mereka menganggap Republik Indonesia masih di bawah jajahannya. Bagi kalangan para politisi republik, mereka menggunakan istilah Agresi Tentera Belanda, kerana mereka menganggap tentera Belanda mencerooboh sebuah negara yang berdaulat. Sedangkan dari pihak TNI, menggunakan istilah Perang Kemerdekaan I dan II, kerana mereka menganggap republik sudah merdeka dan sekarang hanya tinggal mempertahankannya sahaja. Dalam tesis ini digunakan istilah Aksi Tentera Belanda I dan II, kerana istilah ini dirasakan lebih bebas dan tidak memihak.

¹⁷ Marwati Doejnied Poesponegoro dan Nugroho Notokusanto, *Sejarah Nasional Indonesia*, jilid 5 (Jakarta: PN Balai Pustaka, 1984), hlm. 175-6. Walaupun adanya sekatan ekonomi oleh Belanda di laut tetapi usaha penyeludupan tetap berleluasa, dilakukan oleh Angkatan Laut Republik Indonesia dan para penyeludup untuk memasarkan barangan keluaran republik terutamanya ke Singapura dan Malaya. Lihat Dinas Sejarah TNI-AL, *Sejarah Tentera Nasional Indonesia Angkatan Laut (Periode Perang Kemerdekaan) 1945-1950* (Jakarta: tanpa penerbit, 1973).

Tengah. Dalam keadaan ini pastilah timbulnya masalah sosial dan ekonomi yang kompleks. Oleh kerana permasalahan ini hanya mendapat sedikit sorotan dari para sarjana, maka dalam kajian ini persoalan utamanya akan ditumpukan kepada kesan sosial dan ekonomi dari peperangan antara Belanda dan Indonesia ke atas rakyat di Jawa Tengah bahagian Barat.

Fokus dan organisasi bab

Kajian ini adalah diharapkan dapat menerangkan beberapa aspek tentang keadaan ekonomi dan sosial rakyat pada masa tidak lama sebelum revolusi, iaitu pendudukan Jepun, dan semasa revolusi. Pergolakan politik seperti semasa revolusi sebenarnya mengakibatkan kesan kesengsaraan ekonomi dan terbentuknya perkembangan sosial kepada rakyat, yang telah mengalami banyak kesengsaraan pada masa pendudukan Jepun yang berlaku sejurus selepas kemelesetan ekonomi. Tujuan kajian ini ialah untuk menerangkan sejauhmanakah pergolakan revolusi memburukkan lagi kesengsaraan ekonomi dan sosial yang sedia dihadapi oleh rakyat.

Dalam bab pertama akan dibahas tentang keadaan sosioekonomi dan politik di Jawa Tengah antara 1930-1945, yang berkenaan dengan masa pemerintahan Belanda dan pendudukan Jepun. Keadaan sosioekonomi rakyat sewajarnya diberikan perhatian dalam pembahasan ini. Dalam bab yang kedua pula, akan dibahas dari proklamasi hingga selepas Aksi Tentera Belanda I. Melalui proklamasi ini juga menandakan dimulainya zaman revolusi. Pembahasan menyangkut keadaan umum di Jawa Tengah bahagian Barat,

serta konflik dan perdamaian di daerah ini, pembentukan dan disposisi serta kegiatan TNI, kemudian tentang politik dan sosioekonomi di bawah penyakit perang dan rakyat. Bab ini merupakan penyambung dan pengantar kepada permasalahan dalam bab berikutnya.

Manakala bab yang ketiga pula, menyangkut tentang keadaan ekonomi semasa revolusi terutama antara Ogos 1947 hingga Ogos 1949. Pembahasan bermula dengan sekatan ekonomi oleh Belanda ke atas Republik Indonesia, dan keadaan perbekalan tentera dan umum yang menyoroti masalah perekonomian tentera dan rakyat. Keadaan ekonomi khusus tentang wang dan inflasi juga dibahas untuk melihat peredaran wang dalam pasaran.

Setelah keadaan masyarakat telah dibahas, maka dalam bab yang keempat, akan dibicarakan khusus tentang kesan ekonomi akibat revolusi, di bawah tajuk revolusi dan rakyat: kesan ekonomi. Kesan-kesannya adalah menyangkut tentang kesan sekatan ekonomi, korban ekonomi revolusi, kesan ekonomi ke atas rakyat, pasaran, peredaran wang dan inflasi. Kemudian dalam bab ke lima akan dibahas tentang kesan sosial akibat dari revolusi ke atas rakyat terutama para pelarian, petani, buruh dan kakitangan awam yang menyangkut masalah makanan, kesihatan, pakaian dan sebagainya. Masalah orang Cina juga dibahas memandangkan dominasi mereka dalam sektor perekonomian. Kemudian dibuat analisis tentang indikator kehidupan, samaada lebih baik, merosot atau statik bila dibandingkan dengan zaman Belanda dan pendudukan Jepun. Pembahasan diteruskan dengan pembahasan tentang politik petunjuk ekonomi dan politik, petani Jawa dan perjuangan

revolusi. Bahagian terakhir adalah kesimpulan yang diharapkan dapat menyimpulkan tentang kesan sosioekonomi akibat dari revolusi ke atas rakyat di Jawa Tengah bahagian Barat.

Sumber-sumber

Kajian ini akan berasaskan kepada pelbagai sumber. Penyelidikan keperpustakaan dengan bahan-bahan tertulis diperolehi dari Perpustakaan Nasional Republik Indonesia, Jakarta, Perpustakaan Muzium Waspada Purba Wasesa, Jakarta, Dinas Dokumentasi Muzium ABRI Satria Mandala, Jakarta, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, Jakarta, (LIPI), Perpustakaan Fakulti Sastera Universiti Indonesia, Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Malaya.

Manakala data-data tentang statistik kependudukan, migrasi dan perekonomian pula, diperolehi dari Lembaga Demografi Indonesia Fakulti Ekonomi Universiti Indonesia, Jakarta dan Biro Pusat Statistik Republik Indonesia, Jakarta. Arsip-arsip tentang bekalan semasa perang baik untuk tentera mahu pun rakyat diperolehi dari Arsip Nasional Republik Indonesia, Jakarta. Sedangkan beberapa karya peribadi yang tidak diterbitkan diperolehi dari kawan-kawan dan koleksi sendiri.

Bagi membantu melengkapi penyelidikan ini, sumber lisan juga digunakan. Kaedah wawancara atau temubual digunakan bukan sahaja untuk memperjelaskan sesuatu permasalahan, tetapi juga untuk mengisi ruang

bahasan yang sangat kurang sumber tertulisnya. Ini kerana jumlah arsip tentang ekonomi dari zaman ini paling sedikit ditemui.

Sumber zaman revolusi ini, memang telah diakui sangat minimum, apalagi statistik yang menyangkut tentang ekonomi. Oleh kerana kekurangan sumber tersebut, maka dalam beberapa jadual digunakan estimasi sahaja. Ini kerana tidak tersedianya data-data dari zaman ini sebagai akibat dari peperangan dan keadaan yang tidak menentu.

Catatan mengenai bahasa dan ejaan

Sumber-sumber yang digunakan terdapat dalam dari Bahasa Indonesia, Inggeris dan Belanda. Khusus dari Bahasa Indonesia, terdapat ejaan lama yang telah disesuaikan dengan ejaan baru (Ejaan Yang Disempurnakan - EYD). Maka khusus untuk nama dan nama-nama tempat, bagi mempertahankan konsistensi, pengejaannya menggunakan EYD.

Keterbatasan perbendaharaan kata dalam bahasa Melayu, menyebabkan terminologi tentera yang sebahagian besarnya berasal dari bahasa asing sering kali sulit ditemukan kesepadannya dalam Bahasa Melayu. Kalaupun ada, biasanya masih merupakan terjemahan individu yang belum terangkum dalam kamus rasmi. Kesulitan menemukan kesepadanan kata tersebut bertambah, mengingat adanya pembetulan, perubahan mahu pun penambahan terminologi yang disesuaikan dengan perkembangan ketenteraan. Maka akan tetap dipertahankan penulisan aslinya dalam kurungan, jika belum dijumpai kesepadanan kata yang tepat dan pasti dalam Bahasa Melayu.

Kutipan dari bahasa asing, yakni Bahasa Inggeris dan Belanda, diterjemahkan secara bebas dalam tesis ini. Manakala dari Bahasa Indonesia akan ditulis menurut istilah dan kalimat dalam Bahasa Melayu.

BAB I

Keadaan sosioekonomi dan politik di Jawa Tengah, 1930 - 1945

Kawasan Jawa Tengah bahagian Barat semasa menjelang pendudukan Jepun adalah kawasan yang berpenduduk padat, sebagai akibat perkembangan penduduk yang terjadi secara cepat. Jawa Tengah memang merupakan kawasan yang padat penduduk jika dibandingkan dengan Jawa Barat. Jumlah penduduknya meningkat dengan cepat sebanyak 4% setahun di dalam tiga dekad pertama dari abad ini.¹ Kepadatan penduduknya meningkat dari 338 orang per kilometer persegi pada 1905 kepada 408 orang per kilometer persegi dalam tahun 1930. Majoriti dari jumlah penduduk ini tinggal di kawasan luar bandar, manakala jumlah penduduk bandar di kawasan Jawa Tengah ini meningkat agak perlahan, walaupun kadar pertumbuhan penduduk telah meningkat dengan cepat sejak awal dekad dari abad ini. Pertambahan jumlah

¹ Jumlah penduduk seramai 12,638,580 orang pada 1905 dan meningkat kepada 16,364,080 orang pada 1930). Semua angka tentang jumlah penduduk didasarkan dari *Koloniaal Verslag*, 1907, Appendix A dan Departement van Economische Zaken, *Volkstelling 1930: Inheemsche Bevolking van Midden-Java en de Vorstenlanden*, jilid 2 (Batavia: Landsdrukkerij, 1934), table 2.

penduduk bandar relatif perlahan bila dibandingkan dengan jumlah penduduk luar bandar. Pada tahun 1905 jumlah penduduk bandar 731,807 orang dan 1930, seramai 1,286,393 orang, iaitu terjadinya peningkatan dalam jumlah penduduk di bandar dengan kadar 2.4% setahun di dalam suku pertama dari abad ini. Manakala penduduk luar bandar pula pada 1905 seramai 11,906,773 orang dan 1930 seramai 15,077,687 orang. Jadi secara bandingan pertumbuhan jumlah penduduk luar bandar berkembang dengan kadar lebih rendah iaitu 1% setahun berbanding dengan penduduk bandar. Tidak diragukan lagi bahawa jumlah penduduk di Jawa Tengah khususnya dan Pulau Jawa keseluruhannya, telah mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi sejak tahun 1880 lagi, yang tentunya telah meninggalkan kesan ke atas sosioekonomi masyarakat.² Pada tahun 1930, Jawa Tengah telah pun mempunyai kepadatan penduduk yang berjumlah 408 orang per kilometer persegi, manakala Jawa Barat mempunyai 243 orang per kilometer persegi dan Jawa Timur mempunyai 492 orang per kilometer persegi.³ Jadi jumlah penduduk lebih padat di Jawa Tengah bila dibandingkan dengan Jawa Barat, tetapi kurang sedikit kepadatannya dibandingkan dengan Jawa Timur.

² Jumlah penduduk di Jawa pada tahun 1880 ialah 19,794,505 orang dan pada tahun 1905 ialah 30,098,008 orang. Angka antara tahun 1880 dan 1900/1900 hingga 1930, kedua-duanya untuk kawasan bandar dan luar bandar. Lihat Widjojo Nitisastro, *Population Trends in Indonesia* (Ithaca and London: Cornell University Press, 1970), hlm. 6.

³ Departement van Economische Zaken, *Volkstelling 1930*, table 9; Widjojo Nitisastro, *Population Trends in Indonesia*, hlm.75.

Menjelang zaman pendudukan Jepun, sebahagian besar penduduk di Jawa Tengah terlibat dalam bidang pertanian. Ini tidak bermakna kesemuanya adalah petani saradiri, dalam proses diferensiasi dari angkatan tenaga kerja di Jawa pada pertengahan dekad dari abad ini, telah pun menunjukkan perubahan seperti pada tahun 1930, hampir satu pertiga dari jumlah tenaga kerja memperoleh pendapatan dari kegiatan bukan pertanian. Dengan ini secara keseluruhan dapatlah dikatakan bahawa sistem masyarakat mengalami perubahan, walaupun begitu, jumlah majoriti masih lagi terdiri dari golongan petani. Bagi kawasan Jawa Tengah ini, jumlah tenaga kerja dalam sektor pertanian pada 1905 ialah 2,113,262 (68.2%) orang dan 1930 meningkat kepada 3,685,474 (63.4%) orang, sektor perindustrian pada 1905, 149,214 (4.8%) orang kepada 838,044 (14.4%) pada 1930.⁴ Sektor perdagangan 194,135 (6.3%) orang pada 1905 dan 1930 menjadi 386,503 (6.6%) orang. Pengangkutan juga turut berkembang dari 9,804 (0.3%) pada 1905 kepada 60,653 (1.0%) pada 1930. Perkhidmatan awam berkembang agak pesat sesuai dengan tuntutan zaman ketika itu meningkat dari 18,123 (0.6%) pada 1905 kepada 170,191 (2.9%) pada 1930. Sektor perkhidmatan profesional seperti doktor, jurutera dan sebagainya hanya tercatat angka bagi tahun 1930 sahaja iaitu 45,685 (0.9%). Lain-lain pekerjaan diwakili sebanyak 8.3% atau 357,596 pada 1905 dan meningkat

⁴ Semua data dalam perengan ini diolah berdasarkan *Koloniaal Verslag 1907*, apendex A, dan *Volkstelling 1930*, jilid 2, table no 19, 20 dan 21. Angka-angka dalam kurungan merujuk kepada peratus dari semua jumlah tenaga kerja. Sebagai gambaran umum tentang situasi di Jawa semasa ini lihat M.R. Fernando, "Changing Character of Work Force in Colonial Java, 1820-1930", makalah yang dibentangkan dalam *Conference, Economic History Society of Australia and New Zealand*, Julai 1992, hlm. 11.

sesuai dengan diferensiasi kerja yang semakin bervariasi pada 1930 seramai 626,232 (10.8%). Bagi data tahun 1905 telah mencatat jumlah tenaga kerja yang tidak diketahui seramai 256,359 (8.3%). Berdasarkan jumlah yang dipaparkan di atas, jelas menunjukkan hanya 31.8% pada 1905 dan 36.6% pada 1930, yang terlibat dalam sektor bukan pertanian seperti perindustrian, perdagangan, pengangkutan perkhidmatan awam dan lain-lain. Selebihnya bergiat dalam sektor pertanian. Ini bermakna dari segi jumlah mereka yang memilih dan terlibat dalam sektor pertanian masih merupakan jumlah tertinggi. Pertambahan yang mengalakkan pula terjadi dalam bidang perindustrian yang naik hampir 10%. Sedangkan lain-lain sektor hanya mengalami kenaikan atau penurunan yang sedikit.

Kepadatan penduduk sejajar dengan corak pertanian dan tingkat teknologi pertanian. Penetrasi ekonomi Eropah telah membuka perkebunan besar, diperluasnya daerah tegalan, sistem irigasi diperbaiki dan diadakan intensifikasi pertanian, jumlah petani penyewa dan yang tidak memiliki tanah juga semakin besar. Hal ini mengubah struktur desa dan mempengaruhi tingkat kemakmuran. Manakala bahaya erosi telah membatasi perluasan ekstensifikasi pertanian yang tertinggal dibandingkan dengan laju pertumbuhan penduduk. Ini dibuktikan dengan kadar pemilikan tanah semakin berkurang seperti di desa Pekalongan. Pada tahun 1868, berdasarkan hukum Islam, ada enam orang penduduk yang diharuskan mengeluarkan zakatnya, tapi pada tahun 1928 tidak seorang pun lagi secara hukum diwajibkan membayar zakat,

walaupun begitu mereka umumnya masih membayar fitrah setelah bulan puasa. Pemilik tanah di desa tersebut pada tahun 1868 masih mempunyai antara 0.7 sampai 1.1 hektar, pada tahun 1928 luas tanahnya telah menciut menjadi 0.5 hektar.⁵ Secara keseluruhan pemilikan tanah rata-rata di Jawa Tengah merosot dengan cepat selepas 1920-an. Hal ini seperti pada tahun 1922 tiap pembayar pajak tanah rata-rata mempunyai tanah 1.15 hektar, sedangkan pada tahun 1938 telah menjadi 0.86 hektar.⁶ Begitu juga dengan di Daerah Istimewa Yogyakarta luas tanah yang dimiliki perorangan rata-rata hanya 0.3 hektar sahaja dan ramai pula yang hanya memiliki rumah sahaja, tanpa memiliki sawah atau tegalan pada tahun 1938.⁷

Di samping proses penciutan tanah, pertumbuhan penduduk juga telah memunculkan golongan petani buruh, pada awal pertengahan kedua abad ke-19. Mereka ini sama sekali tidak memiliki tanah. Mereka hanya mencari kehidupan dengan mengupahkan tenaga mereka pada pemilik tanah ataupun pada perkebunan. Walaupun fenomena ini didapati di Jawa keseluruhannya, tetapi jumlah buruh tani adalah besar di Jawa Tengah khususnya, iaitu seramai 3,685,474 orang (63.4%) dari seluruh jumlah buruh pada 1930.⁸ Berdasarkan kajian yang dibuat pada tahun 1926, kelihatan bahawa ada daerah-daerah yang

⁵ D.H Burger, "*Rapport oven de Desa Pekalongan in 1868 en 1928*", *Economische Beschrijvingen I* (Welterreden: G. Kolff and Co., 1929), hlm. 1-11. Lihat juga Marwati D.P. dan Nugroho N., *Sejarah Nasional Indonesia*, jilid 5 (Jakarta: PN. Balai Pustaka, 1990), hlm. 105.

⁶ Karl J. Pelzer, *Pioneer Settlement in the Asiatic Tropics; Studies in Land Utilization and Agricultural Colonization in Southeastern Asia* (New York: American Geographical Society, 1945), hlm. 161.

⁷ Marwati D.P. dan Nugroho N., *Sejarah Nasional Indonesia*, jilid 5, hlm. 105.

⁸ *Volkstelling 1930*, table no. 19, 20 dan 21.

memiliki peratusan buruh tani sangat tinggi seperti Banyumas dan yang rendah pula seperti Kedu, sedangkan daerah-daerah lain seperti Pekalongan dan Madiun jumlah buruh tani tidak begitu tinggi.⁹ Pada tahun 1905 diperkirakan bahawa seluruh Jawa ada kira-kira 5.3% atau 341,110 buruh tani dan petani bukan pemilik tanah. Pada 1926 tidak kurang dari 27.8% buruh bukan pemilik tanah, dan 37.9% dikategorikan sebagai buruh tani, petani tanpa milik tanah dan kuli atau kerja kasar.¹⁰

Seiring dengan berkembangnya peristiwa sosioekonomi, maka pelebaran diferensiasi kerja juga meningkat dari segi jumlah dan jenis kerja. Ini kerana masyarakat telah mengenal keperluan baru dan memerlukan perkembangan dalam perkhidmatan. Hal ini jelas seperti perkembangan yang terjadi di desa Ngaplak dan Pekalongan dalam waktu setengah abad dari tahun 1868 dan 1928.

“Pada dasarwarsa ketiga abad dua puluh ini di desa pekalongan ada 7 orang tukang jahit, 5 orang tukang emas, 36 pedagang, dan 7 orang tukang gerobak. Di desa Ngaplak terdapat juga 7 orang tukang jahit, 2 orang tukang emas, 2 orang tukang kayu, 29 pedagang dan 11 tukang gerobak. Pada abad yang lalu di dua desa tersebut golongan-golongan pekerja yang tersebut di atas sama sekali tidak ada”.¹¹

⁹ *Volkstelling 1930*, hlm. 106.

¹⁰ Marwati D.P. dan Nugroho N., *Sejarah Nasional Indonesia*, jilid 6, hlm. 106. Lihat juga W.F. Wertheim yang dikutip dari Mayer Ranneft dalam *Indonesian Society in Transition* (Brussel's-Gravenhage, tanpa penerbit, 1959), hlm. 111-3.

¹¹ W.F Wertheim dan The Siauw Giap, "Sosial Change in Java, 1900-1930" *Pacific Affairs*, vol. 35, no 1, 1962, hlm. 243; lihat juga Marwati D.P. dan Nugroho N., *Sejarah Nasional Indonesia*, jilid 5, hlm. 110.